KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **20 Julai 2026**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: ISNIN
TARIKH: 20/7/2026
M/SURAT: 1




**PENYERAHAN:** Armizan (tengah) menyampaikan kad fleet kepada wakil syarikat yang layak sempena Sesi Penyerahan Kad Fleet SKDS PETRONAS SmartPay di Labuan semalam.

# 172,955 syarikat, 464,797 kenderaan berdaftar SKDS di seluruh negara

**LABUAN:** Sebanyak 172,955 syarikat melibatkan 464,797 kenderaan telah berdaftar di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) di seluruh negara setakat 18 Julai, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali.

Beliau berkata 28,127 syarikat melibatkan 68,669 kenderaan telah didaftarkan di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan susulan peluasan mekanisme subsidi diesel bersasar ke tiga wilayah berkenaan bermula 1 Julai.

Daripada jumlah itu, 18,770 syarikat melibatkan 51,679 kenderaan telah didaftarkan di bawah sektor pengangkutan darat (barangan pengguna), manakala 7,241 syarikat melibatkan 13,557 kenderaan didaftarkan di bawah sektor pengangkutan darat milik syarikat yang meliputi jip dan trak pikap.

Sebanyak 2,116 lagi syarikat melibatkan 3,433 kenderaan telah didaftarkan di bawah sektor pengangkutan darat (awam).

"Peningkatan berterusan dalam jumlah pendaftaran mencerminkan perkembangan yang menggalakkan dalam pelaksanaan SKDS di Sabah, Sarawak dan Labuan.

"Bagi syarikat yang telah berjaya didaftarkan dan diluluskan di bawah SKDS, langkah seterusnya ialah memohon kad fleet daripada syarikat minyak yang mengambil bahagian," katanya pada sidang media selepas majlis penyerahan kad fleet SKDS di Kampung Patau-Patau 2 di sini semalam.

Lihat Muka 7

## 172,955 syarikat, 464,797 kenderaan berdaftar SKDS di seluruh negara

Dari Muka 1

Terdahulu, Armizan bersama wakil syarikat PETRONAS, Shell dan Petron menyampaikan kad fleet kepada syarikat yang layak di Labuan.

Armizan berkata penggunaan kad fleet membolehkan setiap transaksi pembelian diesel bersubsidi direkodkan secara digital, sekali gus memperkukuh pemantauan, mengurangkan risiko ketirisan dan memastikan manfaat subsidi dinikmati oleh kumpulan sasar.

Beliau berkata syarikat yang layak tetapi masih belum mendaftar di bawah SKDS digesa supaya mengemukakan permohonan melalui portal MySubsidi.

Permohonan SKDS bagi Sabah, Sarawak dan Labuan dibuka pada 4 Mei, menjelang pelaksanaan mekanisme subsidi diesel bersasar di ketiga-tiga wilayah berkenaan.

Armizan berkata kementerian itu turut mengadakan perbincangan dengan Kementerian Kewangan bagi meneliti cadangan penambahbaikan SKDS berdasarkan pengalaman pelaksanaan, maklum balas industri serta isu operasi.

Beliau berkata sesi libat urus bersama Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak akan diteruskan bagi memastikan keperluan operasi di lapangan diambil kira tanpa menjejaskan objektif penyasaran subsidi serta usaha membendung ketirisan. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: ISNIN
TARIKH: 20/7/2026
M/SURAT: 1

# 68,669 kenderaan daftar SKDS di Sabah, S'wak dan Labuan

**Iskandar Dzulkifli**

LABUAN: Sebanyak 28,127 syarikat melibatkan 68,669 kenderaan perdagangan berjaya didaftarkan di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan setakat 18 Julai ini, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali.

Menurutnya, pertambahan pendaftaran itu mencerminkan penerimaan baik daripada pemain industri terhadap mekanisme baharu penyaluran subsidi diesel secara bersasar yang mula dilaksanakan di tiga wilayah berkenaan pada 1 Julai lalu.

Armizan berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 2,116 syarikat membabitkan 3,433 kenderaan didaftarkan di bawah sektor Pengangkutan Darat (Awam), manakala 18,770 syarikat dengan 51,679 kenderaan melibatkan sektor Pengangkutan Darat (Barangan Keperluan Pengguna).

"Selain itu, sebanyak 7,241 syarikat yang memiliki 13,557 kenderaan turut didaftarkan di bawah sektor Pengangkutan Darat (Persendirian Syarikat – Jip dan Pikap).

"Perkembangan ini menunjukkan pelaksanaan SKDS di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan terus mencatatkan kemajuan yang memberangsangkan hasil kerjasama erat semua pihak termasuk pemain industri dan syarikat minyak," katanya selepas merasmikan Majlis Penyerahan Fleet Card SKDS, di sini pada Ahad.

Secara keseluruhan, Armizan berkata sebanyak 172,955 syarikat melibatkan 464,797 kenderaan perdagangan telah berdaftar di bawah SKDS di seluruh negara setakat 18 Julai lalu.

Menurutnya, pelaksanaan penyasaran subsidi diesel di Semenanjung Malaysia bermula pada 10 Jun 2024 sebelum diperluaskan ke Sabah, Sarawak dan Labuan bermula 1 Julai lalu.

Katanya, KPDN bertanggungjawab mengawal selia penyaluran subsidi diesel bagi kenderaan perdagangan melalui pelaksanaan SKDS, manakala program subsidi lain seperti BUDI Diesel, BUDI Agri-Komoditi dan Skim Subsidi Diesel dan Petrol Nelayan dilaksanakan oleh kementerian peneraju masing-masing.

Sehubungan itu katanya, syarikat yang telah diluluskan di bawah SKDS perlu memohon fleet card daripada syarikat minyak bagi membolehkan pembelian diesel bersubsidi direkodkan secara digital.

"Penggunaan fleet card membolehkan setiap transaksi pembelian diesel bersubsidi dipantau secara lebih sistematik, sekaligus memperkukuh kawalan, mengurangkan risiko ketirisan serta memastikan subsidi benar-benar dinikmati kumpulan sasar yang layak.

"Saya juga merakamkan penghargaan kepada Petronas, Shell dan Petron atas kerjasama dalam memastikan proses pengeluaran fleet card berjalan lancar kepada syarikat yang layak," katanya.

Lihat muka 2

Utusan Borneo online
HARI: ISNIN
TARIKH: 20/7/2026
M/SURAT: 13

# 172,955 syarikat, 464,797 kenderaan berdaftar SKDS di seluruh negara

**LABUAN:** Sebanyak 172,955 syarikat melibatkan 464,797 kenderaan telah berdaftar di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) di seluruh negara setakat 18 Julai, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali.

Beliau berkata 28,127 syarikat melibatkan 68,669 kenderaan telah didaftarkan di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan susulan peluasan mekanisme subsidi diesel bersasar ke tiga wilayah berkenaan bermula 1 Julai.

Daripada jumlah itu, 18,770 syarikat melibatkan 51,679 kenderaan telah didaftarkan di bawah sektor pengangkutan darat (barangan pengguna), manakala 7,241 syarikat melibatkan 13,557 kenderaan didaftarkan di bawah sektor pengangkutan darat milik syarikat yang meliputi jip dan trak pikap.

Sebanyak 2,116 lagi syarikat melibatkan 3,433 kenderaan telah didaftarkan di bawah sektor pengangkutan darat (awam).

"Peningkatan berterusan dalam jumlah pendaftaran mencerminkan perkembangan yang menggalakkan dalam pelaksanaan SKDS di Sabah, Sarawak dan Labuan.

"Bagi syarikat yang telah berjaya didaftarkan dan diluluskan di bawah SKDS, langkah seterusnya ialah memohon kad fleet daripada syarikat minyak yang mengambil bahagian," katanya pada sidang media selepas majlis penyerahan kad fleet SKDS di Kampung Patau-Patau 2 di sini semalam.

Terdahulu, Armizan bersama wakil syarikat PETRONAS, Shell dan Petron menyampaikan kad fleet kepada syarikat yang layak di Labuan.

Armizan berkata penggunaan kad fleet membolehkan setiap transaksi pembelian diesel bersubsidi direkodkan secara digital, sekali gus memperkukuh pemantauan, mengurangkan risiko ketirisan dan memastikan manfaat subsidi dinikmati oleh kumpulan sasar.

Beliau berkata syarikat yang layak tetapi masih belum mendaftar di bawah SKDS digesa supaya mengemukakan permohonan melalui portal MySubsidi.

Permohonan SKDS bagi Sabah, Sarawak dan Labuan dibuka pada 4 Mei, menjelang pelaksanaan mekanisme subsidi diesel bersasar di ketiga-tiga wilayah berkenaan.

Armizan berkata kementerian itu turut mengadakan perbincangan dengan Kementerian Kewangan bagi meneliti cadangan penambahbaikan SKDS berdasarkan pengalaman pelaksanaan, maklum balas industri serta isu operasi.

Beliau berkata sesi libat urus bersama Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak akan diteruskan bagi memastikan keperluan operasi di lapangan diambil kira tanpa menjejaskan objektif penyasaran subsidi serta usaha membendung ketirisan. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: ISNIN
TARIKH: 20/7/2026
M/SURAT: 2

# Rahmah sales to be held more frequently

LABUAN: The Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) will organise the Rahmah Madani Sales Programmes (PGRM) more frequently to help ease the burden of rising consumer goods prices, its Minister Datuk Armizan Mohd Ali said.

He said PGRM, which offers essential goods at prices between 10 and 30 per cent lower than prevailing local market prices, is currently held nine times a month at selected locations in states and districts nationwide.

"The frequency can be increased according to local needs, particularly in areas where consumers face higher prices for essential goods," he told a press conference after the SKDS fleet card presentation ceremony at Kampung Patau-Patau 2, here, Sunday.

Armizan said KPDN recognised that consumer goods in Labuan were generally more expensive due to the transportation costs incurred in bringing supplies from mainland Sabah to the island.

He said the Ministry would examine the most suitable mechanism to help reduce the burden faced by Labuan residents arising from high transportation costs.

Armizan said residents of Limbang, Sarawak also faced similar challenges, and the matter would be studied to find a long-term solution in consultation with the Finance Ministry.

However, he said the Ministry would also take into account concerns raised by grocery retailers who claimed that frequent PGRM programmes could affect their daily income.

He said the frequency and locations of the programmes must therefore be carefully planned to strike a balance between helping consumers obtain essential goods at lower prices and safeguarding the livelihoods of local retailers.

"Members of the public can check the programme schedule through the Rahmah Madani Sales Programme Calendar on the KPDN portal," he said.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: ISNIN
TARIKH: 20/7/2026
M/SURAT: 3

# More Rahmah MADANI Sales to help ease rising living costs

**LABUAN:** The Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) will organise the Rahmah MADANI Sales Programmes (PGRM) more frequently to help ease the burden of rising consumer goods prices, its minister Datuk Armizan Mohd Ali said.

He said PGRM, which offers essential goods at prices between 10 and 30 per cent lower than prevailing local market prices, is currently held nine times a month at selected locations in states and districts nationwide.

"The frequency can be increased according to local needs, particularly in areas where consumers face higher prices for essential goods," he told a press conference after the SKDS fleet card presentation ceremony at Kampung Patau-Patau 2 on Sunday.

Armizan said KPDN recognised that consumer goods in Labuan were generally more expensive due to the transportation costs incurred in bringing supplies from mainland Sabah to the island.

He said the ministry would examine the most suitable mechanism to help reduce the burden faced by Labuan residents arising from high transportation costs.

Armizan said residents of Limbang, Sarawak also faced similar challenges, and the matter would be studied to find a long-term solution in consultation with the Finance Ministry.

However, he said the ministry would also take into account concerns raised by grocery retailers who claimed that frequent PGRM programmes could affect their daily income.

He said the frequency and locations of the programmes must therefore be carefully planned to strike a balance between helping consumers obtain essential goods at lower prices and safeguarding the livelihoods of local retailers.

"Members of the public can check the programme schedule through the Rahmah MADANI Sales Programme Calendar on the KPDN portal," he said. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: ISNIN
TARIKH: 20/7/2026
M/SURAT: 13

# Jualan Rahmah MADANI diadakan lebih kerap untuk ringankan beban rakyat

**LABUAN:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan menganjurkan Program Jualan Rahmah MADANI (PJRM) dengan lebih kerap bagi membantu meringankan beban rakyat susulan kenaikan harga barangan, kata Menterinya Datuk Armizan Mohd Ali.

Beliau berkata PJRM yang menawarkan barangan keperluan pada harga antara 10 hingga 30 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran, kini diadakan sembilan kali sebulan di lokasi terpilih di setiap negeri dan daerah di seluruh negara.

"Kekerapan penganjuran program ini boleh ditingkatkan mengikut keperluan setempat, khususnya di kawasan yang pengguna berdepan harga barangan keperluan yang lebih tinggi," katanya pada sidang media selepas majlis penyerahan fleet card SKDS di Kampung Patau-Patau 2 di sini semalam.

Armizan berkata KPDN mengakui harga barangan pengguna di Labuan secara amnya lebih tinggi berikutan kos pengangkutan untuk membawa bekalan dari Sabah ke pulau itu.

Sehubungan dengan itu, beliau berkata kementerian akan meneliti mekanisme yang paling sesuai bagi membantu mengurangkan beban yang ditanggung penduduk Labuan akibat daripada kos pengangkutan yang tinggi.

Beliau berkata cabaran sama dihadapi penduduk di Limbang, Sarawak dan perkara itu akan dikaji bagi mencari penyelesaian jangka panjang dengan kerjasama Kementerian Kewangan.

Bagaimanapun, beliau berkata kementerian turut mengambil kira kebimbangan yang dibangkitkan oleh pengusaha kedai runcit yang mendakwa penganjuran PJRM yang terlalu kerap boleh menjejaskan pendapatan harian mereka.

Justeru, Armizan berkata kekerapan serta lokasi penganjuran program perlu dirancang dengan teliti bagi memastikan keseimbangan antara membantu pengguna mendapatkan barangan keperluan pada harga lebih rendah dan melindungi sumber pendapatan peruncit tempatan.

"Orang ramai boleh menyemak jadual penganjuran program menerusi Kalendar Program Jualan Rahmah MADANI di portal KPDN," katanya. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: ISNIN

TARIKH: 20/7/2026

M/SURAT: 8

# Peniaga, syarikat kecil layak kuota 300 liter diesel

**Menumbok:** Kerajaan Persekutuan meluluskan peluasan Skim Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) bagi membolehkan peniaga dan syarikat kecil yang berdaftar sebagai milikan tunggal menikmati kemudahan kad fleet dengan kuota 300 liter sebulan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata keputusan itu dibuat selepas kementerian mengenal pasti ada peniaga kecil terkesan dengan pelaksanaan penyasaran subsidi diesel kerana tidak memenuhi syarat asal skim berkenaan.

Katanya, ketika SKDS dilaksanakan pada 1 Julai lalu, permohonan kad berkenaan terhad kepada kenderaan didaftarkan atas nama individu dan kenderaan perniagaan atau syarikat pengangkutan barangan di bawah kelas kegunaan pengangkutan barangan pengguna.

"Bagaimanapun, ada kontraktor dan peniaga kecil di Sabah menggunakan kenderaan diesel bagi menjalankan perniagaan, kenderaan itu didaftar atas nama syarikat dan bukannya individu.

"Ia menyebabkan mereka tidak layak di bawah kategori asal SKDS, walaupun menggunakan diesel untuk perniagaan," katanya selepas melancarkan Projek Kampung Angkat MADANI di Kampung Sekalong, di sini semalam.

Armizan berkata, kementeriannya membawa isu terbabit ke perhatian Jemaah Menteri berpandukan data sistem MySikap kendalian Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Katanya, Kabinet kemudian meluluskan peluasan skim itu serta-merta bagi membolehkan syarikat kecil berdaftar sebagai milikan tunggal, menerima kuota 300 liter diesel bersubsidi sebulan melalui kad fleet, walaupun kenderaan didaftarkan atas nama syarikat.

"Ini membuktikan Kerajaan Persekutuan sentiasa bersedia menambah baik mekanisme pelaksanaan asalkan kita mempunyai data yang tepat bagi memastikan subsidi disasarkan kepada golongan yang benar-benar layak," katanya.

Beliau menegaskan langkah itu juga mencerminkan komitmen kementerian dalam memastikan pelaksanaan penyasaran subsidi diesel tidak membebankan peniaga kecil yang bergantung kepada kenderaan diesel bagi menjalankan operasi harian.

Katanya, KPDN akan terus memantau pelaksanaan skim berkenaan dan mengemukakan cadangan penambahbaikan dari semasa ke semasa.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

SUARA KONTEMPORARI Kosmo!

HARI: ISNIN
TARIKH: 20/7/2026
M/SURAT: 4




**ASWADI (kiri) dan pegawai penguat kuasa KPDN menunjukkan minyak masak yang dirampas dalam sebuah lori pada sidang akhbar di Pejabat KPDN Kelantan, Kota Bharu semalam.** – KAMARUL BISMI KAMARUZAMAN

# Cubaan seludup 20.4 tan minyak masak peket ke Siam dipatahkan

**KOTA BHARU** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan mematahkan cubaan menyeludup sebanyak 20.4 tan minyak masak peket ke Thailand selepas melancarkan tiga operasi di Pasir Puteh, Pasir Mas dan Tumpat dekat sini kelmarin.

Dalam Ops Tiris Bersepadu 4.0 itu, tiga suspek turut ditahan bagi membantu siasatan berhubung rampasan kesemua barangan tersebut.

Timbalan Pengarah KPDN Kelantan, Aswadi Jaafar berkata, rampasan pertama dijalankan di Pasir Puteh apabila pihaknya menahan sebuah kenderaan pebagai guna (MPV) jenis Perodua Alza yang membawa sebanyak 1,445 kilogram (kg) minyak masak peket.

Katanya, pemandu kenderaan itu yang berusia 27 tahun gagal mengemukakan sebarang lesen atau dokumen sah berkaitan pemilikan dan pengangkutan barang kawalan berkenaan.

"Rampasan kedua dijalankan di Kampung Jakar, Banggol Che Dol dekat Pasir Mas selepas anggota PGA mengejar sebuah lagi MPV Perodua Alza dari Pasir Puteh, dekat sini.

"Kenderaan tersebut bagaimanapun terbabas dan merempuh sebuah bangsal di Kampung Jakar sebelum pemandunya melarikan diri.

"Pemeriksaan di dalam MPV itu menjumpai sebanyak 1,360kg minyak masak peket bersubsidi," katanya pada sidang akhbar di Pejabat KPDN Kelantan di sini semalam.

Aswadi memberitahu, selain itu, pihaknya berjaya mematahkan cubaan menyeludup sebanyak 17,680kg minyak masak peket selepas menahan sebuah lori di Kampung Telaga Bata, Chabang Empat, Tumpat kira-kira pukul 10.45 malam kelmarin.

Karanya, pemeriksaan lanjut di dalam kenderaan itu menjumpai sebanyak 1,040 kotak minyak masak peket yang diambik dari Melaka dan Pahang sebelum dibawa masuk ke negeri ini.

"Pemandu lori dan seorang kelindan berusia dalam lingkungan 40-an turut ditahan bagi membantu siasatan.

"Siasatan awal mendapati pemandu lori terbabit mengaku mendapat upah sebanyak RM500 untuk menghantar barangan berkenaan ke sebuah pangkalan haram di Tumpat.

"Suspek mendakwa, ini adalah kali pertama dia melakukan tugasan berkenaan dan hanya mengikut arahan individu yang mengupahnya," ujarnya.

Aswadi berkata, ketiga-tiga kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



PEGAWAI KPDN menunjukkan minyak masak paket yang dirampas.

# RM500 angkut 17 tan minyak

## *2 lelaki ditahan bawa minyak masak bersubsidi ke pangkalan haram untuk diseludup ke Thai*

Oleh Siti Rohana Idris
am@hmetro.com.my

**Kota Bharu**

Cubaan dua lelaki cuba menyeludup 17.6 tan minyak masak dengan membawa lori kargo ke pangkalan haram gagal selepas kenderaan itu ditahan pihak berkuasa di Kampung Telaga Bata, Tumpat, kelmarin.

Ketua Pegawai Penguatkuasa Negeri, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan, Aswadi Jaafar berkata, terdahulu pihaknya melakukan risikan dan pemantauan sempena Op Tiris 4.0 (Bersepadu).

Beliau berkata, lori kargo itu dikesan di Kota Bharu sebelum pasukannya mengekori hingga memasuki Tumpat sebelum menahannya di Kampung Telaga Bata jam 10.45 malam.

"Lori kargo itu dinaiki dua lelaki tempatan berusia 40-an dan pemeriksaan menemui sejumlah kotak yang mengandungi 17,680 kilogram (kg) minyak masak paket bersubsidi.

"Siasatan awal mendapati pemandu itu mengaku menerima upah sebanyak RM500 untuk menghantar muatan berkenaan ke satu lokasi yang ditentukan individu lain.

"Suspek turut memaklumkan bekalan minyak masak itu diambil dari Melaka dan Pahang sebelum dibawa ke kawasan berhampiran pangkalan haram di Tumpat untuk diseludup ke Thailand," katanya pada sidang media di sini, semalam.



ASWADI (kanan) bersama pegawainya memeriksa minyak masak paket yang dirampas. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

Aswadi berkata, nilai rampasan minyak masak paket bersubsidi itu ialah RM44,200 manakala nilai keseluruhan termasuk lori kargo berjumlah RM94,200.

Mengulas lanjut, Aswadi berkata, permintaan tinggi dan berterusan dari negara jiran menyebabkan aktiviti penyelewengan minyak masak bersubsidi terus berlaku biarpun penguatkuasaan sentiasa dipergiatkan.

"Semalam juga dua rampasan barangan kawalan sama berjaya dibuat di Pasir Puteh dan Pasir Mas membabitkan 2.8 tan minyak masak.

"Dua rampasan itu masing-masing menggunakan Perodua Alza yang memuatkan sejumlah kotak mengandungi minyak masak paket bersubsidi.

"Ketiga-tiga rampasan ini disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana disyaki memiliki dan cuba menyeleweng barang kawalan bersubsidi tanpa kebenaran yang sah," katanya.

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: ISNIN
TARIKH: 20/7/2026
M/SURAT: 11

# 20.4 tan minyak masak gagal diseludup

## KPDN Kelantan tahan tiga lelaki tempatan dalam tiga operasi berasingan

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN




Aswadi (kanan) bersama pegawai KPDN Kelantan menunjukkan minyak masak peket yang berjaya dirampas semasa sidang akhbar pada Ahad.

**KOTA BHARU** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan menggagalkan cubaan menyeludup 20.4 tan minyak masak peket ke Thailand pada Sabtu.

Timbalan Pengarah KPDN Kelantan, Aswadi Jaafar berkata, kejayaan itu melibatkan tiga operasi berasingan di Pasir Putih, Pasir Mas dan Tumpat serta penahanan tiga lelaki tempatan.

"Operasi pertama dijalankan antara jam 12.20 tengah hari hingga 1.30 petang apabila Unit Risikan dan Tindakan Khas KPDN Kelantan mengesan dua Perodua Alza yang dipercayai membawa minyak masak peket bersubsidi untuk diseludup ke negara jiran.

"Pasukan operasi kemudian mengekori kedua-dua kenderaan itu ke lokasi yang dipercayai menjadi tempat bekalan diperoleh sebelum melancarkan serbuan," katanya semasa sidang akhbar, di sini pada Ahad.

Menurut beliau, serbuan di Jalan Pasir Puteh berhampiran sebuah stesen minyak berjaya menahan seorang lelaki tempatan berusia 27 tahun.

Katanya, pemeriksaan mendapati kenderaan itu membawa 1,445 kilogram (kg) minyak masak peket bersubsidi pelbagai jenama.

Beliau berkata, suspek gagal mengemukakan dokumen sah berkaitan pemilikan dan pengangkutan barang kawalan berkenaan.

Aswadi berkata, sebuah lagi Perodua Alza bertindak memecut melarikan diri sebelum dikejar.

"Suspek akhirnya terbabas dan merempuh sebuah bangsal di Kampung Jakar, Banggol Che Dol sebelum meloloskan diri.

"Pemeriksaan ke atas kenderaan yang ditinggalkan menemui 1,360kg minyak masak peket," katanya.

Dalam perkembangan sama, Aswadi berkata, serbuan pada jam 10.45 malam di Kampung Telaga Bata, Chabang Empat, Tumpat berjaya mematahkan cubaan menyeludup 17,680kg minyak masak peket bersubsidi menggunakan sebuah lori kargo.

Beliau berkata, lori itu ditahan hasil risikan pasukan penguat kuasa KPDN Cawangan Pasir Mas dan Kota Bharu di sekitar Kota Bharu serta Tumpat.

"Hasil pemeriksaan mendapati lori itu membawa 1,040 kotak minyak masak peket yang diperoleh dari Melaka dan Pahang sebelum dibawa ke Kelantan.

"Pemandu lori bersama seorang kelindan tempatan berusia lingkungan 40-an turut ditahan bagi membantu siasatan," katanya.

Menurut beliau, siasatan awal mendapati pemandu terbabit mengaku menerima upah RM500 untuk menghantar muatan berkenaan ke sebuah pangkalan haram berhampiran sempadan Tumpat.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

TheStar

HARI: ISNIN
TARIKH: 20/7/2026
M/SURAT: 14

# Cooking oil smuggling bid foiled

**KOTA BARU:** The Domestic Trade and Cost of Living Ministry in Kelantan has foiled attempts to smuggle more than 20 tonnes of subsidised packet cooking oil to Thailand in separate operations in Pasir Mas and Tumpat, with the total value of seizures and confiscations exceeding RM138,000.

Kelantan enforcement chief Aswadi Jaafar said the first operation on Saturday saw the seizure of 2.8 tonnes of subsidised cooking oil from two multi-purpose vehicles allegedly used by a syndicate.

The integrated Ops Tiris 4.0 operation, conducted with the ministry's Intelligence and Special Action Unit in Kelantan and police, led to the arrest of a 27-year-old local man, while another suspect escaped, reported Bernama.

In the second operation at Kampung Telaga Bata, Chabang Empat, the ministry seized 17.7 tonnes of subsidised cooking oil. Two local men, including the lorry driver and an attendant, were detained to assist investigations.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: ISNIN
TARIKH: 20/7/2026
M/SURAT: 4

# Cubaan seludup lebih 20 tan minyak masak bersubsidi ke Thailand gagal

**KOTA BHARU:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan menumpaskan dua cubaan menyeludup lebih 20 tan metrik minyak masak peket bersubsidi ke Thailand dalam dua operasi berasingan di Pasir Mas dan Tumpat, dengan nilai keseluruhan rampasan serta sitaan lebih RM138,000.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa Negeri KPDN Kelantan Aswadi Jaafar berkata dalam operasi pertama semalam, pihaknya merampas 2.8 tan metrik minyak masak peket bersubsidi bernilai RM43,000 yang dipercayai cuba diseludup ke negara jiran menggunakan dua kenderaan pelbagai guna (MPV) jenis Perodua Alza.

Beliau berkata operasi bersepadu menerusi Ops Tiris 4.0 melibatkan Unit Risikan dan Tindakan Khas KPDN Kelantan dan Polis Diraja Malaysia itu turut menahan seorang lelaki tempatan berusia 27 tahun, manakala seorang lagi suspek berjaya melarikan diri.

"Hasil risikan mendapati dua Perodua Alza berwarna merah dan biru itu dipercayai digunakan sindiket untuk mengangkut minyak masak bersubsidi sebelum diseludup ke Thailand.

"Pemeriksaan ke atas Alza berwarna merah menemukan 1,445 kilogram (kg) minyak masak peket bersubsidi pelbagai jenama, manakala pemeriksaan terhadap Alza berwarna biru yang ditinggalkan suspek menemukan 80 kotak mengandungi 1,360 kg minyak masak bersubsidi," katanya dalam sidang media di sini, semalam.

Beliau berkata pemandu Alza merah gagal mengemukakan lesen atau dokumen sah berkaitan pemilikan dan pengangkutan barang kawalan, manakala usaha mengesan terhadap seorang lagi suspek yang melarikan diri giat dijalankan.

Sementara itu, dalam satu lagi operasi malam kelmarin di Kampung Telaga Bata, Chabang Empat, Tumpat KPDN Kelantan berjaya menggagalkan cubaan menyeludup 17,680 kg minyak masak peket bersubsidi menggunakan sebuah lori kargo jenis Nissan UD.

Aswadi berkata pemeriksaan terhadap lori itu menemukan 1,040 kotak minyak masak peket satu kg membabitkan keseluruhan 17,680 kg minyak masak bersubsidi.

Beliau berkata seorang pemandu lori warga tempatan bersama seorang kelindan berusia 40-an ditahan bagi membantu siasatan.

"Siasatan awal mendapati pemandu lori mengaku diupah RM500 untuk menghantar muatan berkenaan ke lokasi yang ditentukan individu lain.

"Suspek turut memaklumkan bekalan minyak masak itu diambil dari luar Kelantan sebelum dibawa ke kawasan berhampiran pengkalan haram di Tumpat bagi tujuan penyeludupan," katanya.

Beliau berkata nilai rampasan minyak masak dalam operasi kedua dianggarkan RM44,200, manakala nilai keseluruhan sitaan termasuk lori berkenaan dianggarkan RM94,200.

Kedua-dua kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana disyaki memiliki, mengangkut dan cuba menyeleweng barang kawalan bersubsidi tanpa kebenaran. — Bernama




**TUMPAS:** Aswadi (kanan) bersama pegawai memeriksa sebahagian minyak masak peket bersubsidi pelbagai jenama yang dirampas pada sidang media di Pejabat KPDN Kelantan dekat Kota Bharu, semalam. —Gambar Bernama

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: ISNIN
TARIKH: 20/7/2026
M/SURAT: 5

# 500 Kg Sekalong folks to gain from KPDN initiative

Hayati Dzulkifli

MENUMBOK: Some 500 villagers in Kg Sekalong here will benefit from the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living's (KPDN) Madani Adopted Village (Kampung Angkat Madani) Project, which focuses on improving basic infrastructure and enhancing the well-being of the local community.

KPDN Minister Datuk Armizan Mohd Ali said Kg Sekalong, in the Kuala Penyu constituency, was selected as KPDN's Madani Adopted Village this year based on several criteria set by the Government, including the fact that coverage of basic amenities in the area remains below 50 per cent.

He said the Government has allocated RM500,000 to each participating ministry and agency to implement development projects in their respective adopted villages under the Madani Adopted Village Project.

"Following engagement sessions with residents and local leaders, five key projects have been identified for implementation in Kg Sekalong, with all targeted for completion by the end of this year.

"These include the construction of an open multipurpose hall, upgrading village roads, constructing and repairing drainage culverts, installing solar-powered lights, and building a landmark for Kg Sekalong," he said.

Armizan said this at a press conference after launching the KPDN Madani Adopted Village Project for Kg Sekalong, recently.

The launch was accompanied by several activities, including the Program Jualan Rahmah Madani (PJRM), health screening services, consumer advocacy programmes and community activities such as a communal feast. Also present was Assistant Works and Utilities Minister and Kuala Penyu Assemblyman Datuk Limus Jury.

Armizan said the Federal Government has allocated RM200 million this year for the Madani Adopted Village initiative, benefiting 500 selected villages nationwide.

"The Madani Adopted Village Project was introduced in 2024 to narrow the development gap between urban and rural areas.

"This year's allocation of RM200 million will benefit 500 selected villages across the country," he said.

He said the programme goes beyond infrastructure development by also incorporating non-physical initiatives such as community engagement sessions and the delivery of government services directly to residents.

"The implementation of this programme reflects the Government's continued commitment to providing basic facilities and services that have a direct impact on the well-being of the people, particularly those in rural areas," he said. Armizan said KPDN previously implemented the Madani Adopted Village Project in Mukim Kaiduan, Papar, in 2024 and Mukim Tikam Batu, Kedah, in 2025.

He added that KPDN is also involved in the Santuni Madani Programme, which adopts the "One Leader, One Village" concept introduced by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim to strengthen ties between leaders and local communities.

"Currently, seven villages in Sabah, Kedah, Pahang and Perak are participating in the programme under the stewardship of the Minister, Deputy Minister, senior ministry officials and agencies under KPDN.

"The programme strengthens the culture of care and a sense of belonging towards one's hometown while helping to enhance village potential and empower local communities," he said.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

மக்கள் ஓசை
TAMIL MAKKAL OSAI

HARI: ISNIN
TARIKH: 20/7/2026
M/SURAT: 7

### கிளாந்தானில் 3 இடங்களில் சோதனைகள்:

# 20 டன் சமையல் எண்ணெய் பாக்கெட்டுகள் பறிமுதல்




கோத்தாபாரு, ஜூலை 20-

ஏக காலத்தில் மூன்று மாவட்டங்களில் மேற்கொள்ளப்பட்ட அதிரடிச் சோதனையின்போது 20 டன் சமையல் எண்ணெய் பாக்கெட்டுகள் கைப்பற்றப்பட்டன. இதன்மூலம் தாய்லாந்துக்கு கடத்தப்படவிருந்த கும்பல்களின் முயற்சிகள் முறியடிக்கப்பட்டன.

நேற்றுமுன்தினம் இரவு கிளாந்தான் மாநிலத்தில் பாசீர்பூத்தே, பாசீர் மாஸ், தும்பாட் ஆகிய மாவட்டங்களில் இந்த சோதனைகள் நடத்தப்பட்டன. உள்நாட்டு வர்த்தக வாழ்க்கைச் செலவின அமைச்சு போலீஸ் படை, குடிநுழைவு இலாகா ஆகியவற்றைச் சேர்ந்த அதிகாரிகள் இந்த சோதனைகளை மேற்கொண்டனர்.

அப்போது எண்ணெய்க் கடத்தல் தொடர்பாக மூன்று பேர்வழிகள் கைது செய்யப்பட்டனர் என்று அந்த அமைச்சின் கிளாந்தான் மாநில துணை இயக்குநர் அஸ்வாடி ஜாஃபார் தெரிவித்தார்.

நேற்று முன்தினம் இரவு 8.00 மணியளவில் பாசீர்பூத்தே மாவட்டத்தில் முதலாவது சோதனை நடத்தப்பட்டது. சந்தேகத்திற்குரிய பெரோடுவா கார் தடுத்து நிறுத்தப்பட்டு சோதனை மேற்கொள்ளப்பட்டது. அதில் 1,445 கிலோ சமையல் எண்ணெய் பொட்டலங்கள் பதுக்கி வைக்கப்பட்டிருப்பது தெரிய வந்தது.

காரின் டிரைவரிடம் விசாரணை மேற்கொள்ளப்பட்டபோது சமையல் எண்ணெய்யை வைத்திருப்பதற்கான எந்த ஓர் உரிமத்தையும் ஆவணங்களையும் வைத்திருக்கவில்லை என்பது தெரிய வந்தது. இதனையடுத்து அவர் கைது செய்யப்பட்டார்.

அதன்பின்னர், பாசீர் மாஸ் மாவட்டத்தில் கம்போங் ஜாஹார் அருகே பங்கோல் எனுமிடத்தில் சாலைத் தடுப்புச் சோதனை மேற்கொள்ளப்பட்டபோது ஒரு வாகனம் தடுத்து நிறுத்தப்பட்டது. அதிலிருந்து 1,360 கிலோ சமையல் எண்ணெய் பாக்கெட்டுகள் மீட்கப்பட்டன.

மூன்றாவது சம்பவம் தும்பாட் மாவட்டத்தில் சாபாங் எம்பாட் அருகே கம்போங் தெலாகா பாத்தா எனுமிடத்தில் மேற்கொள்ளப்பட்டது. அந்த கிராமப் பகுதியிலிருந்து தாய்லாந்து எல்லையை நோக்கி சென்றுகொண்டிருந்த லோரியை தடுத்து நிறுத்தி சோதனையிட்டபோது அதில் 17,608 பாக்கெட்டுகள் சமையல் எண்ணெய் இருப்பது கண்டுபிடிக்கப் பட்டது.

மலாக்கா, பகாங் ஆகிய மாநிலங்களி லிருந்து அந்த சமையல் எண்ணெய் பாக் கெட்டுகளை ஏற்றிக்கொண்டு லோரி வந்து கொண்டிருந்தது. சுமார் 40 வயது டைய டிரைவரும் கைது செய்யப்பட்டார்.

IN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UMUM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE EDGE MALAYSIA

HARI: ISNIN
TARIKH: 20/7/2026
M/SURAT: 6

# Ready solution to stop billion-ringgit cooking oil subsidy leakage

The Public Accounts Committee (PAC) last week rightly called for a speedy overhaul of Malaysia's cooking oil subsidy management scheme. It pointed out that a sizeable portion of the whopping RM10.879 billion spent between 2019 and February 2025 on subsidising 1kg of cooking oil each may not have benefited the intended target group, but had instead been abused by foreign nationals and commercial operators.

Tellingly, the PAC found that the monthly Cooking Oil Price Stabilisation Scheme (COSS) is set at 60,000 tonnes while actual domestic demand is estimated at only between 19,000 and 30,000 tonnes. Put another way, at least RM5 billion could have been saved.

While the PAC acknowledged that the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) had developed the eCOSS system in 2023 to monitor the supply chain of subsidised cooking oil from refineries to retailers, it also highlighted weak enforcement at the retail level as well as areas like the management of damaged cooking oil stock.

These findings have prompted the need for tighter enforcement. Foreigners had already been banned from purchasing the subsidised 1kg cooking oil with the requirement to present one's MyKad from March 1 via the eCOSS system.

If that is found wanting, Malaysia has the Budi95 and Sara system, which has already demonstrated that RON95 and diesel subsidies as well as cash assistance for essential goods can be targeted and tracked at scale nationwide using MyKad checks. Finance Minister II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan had previously acknowledged the potential of the "powerful" system being used to target other types of subsidies and aid. So, the question now is how quickly can Malaysia digitalise the distribution of subsidised cooking oil?

Regardless of the framework Putrajaya adopts, it must act quickly to plug the financial leakage, which has already run into the billions. Every ringgit lost in this manner is a ringgit unavailable to healthcare, schools or infrastructure.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: ISNIN
TARIKH: 20/7/2026
M/SURAT: 8

# Cubaan seludup 240kg bekalan basah ke sempadan gagal

**LIMBANG:** Cubaan seorang lelaki tempatan menyeludup keluar 240 kilogram bekalan basah melalui laluan sungai di kawasan sempadan berjaya dipatahkan oleh anggota Tentera Darat Malaysia (TDM) dalam satu operasi awal pagi kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 4.30 pagi pada 18 Julai, anggota Batalion Kesembilan Rejimen Sempadan (9 RS) yang sedang menjalankan rondaan rutin di bawah kawalan Briged Kesembilan Infantri Malaysia (9 Briged) dan mengesan sebuah kereta Proton Saga dalam keadaan mencurigakan.

Pemeriksaan lanjut terhadap kenderaan itu menemui 20 kotak mengandungi bekalan basah seberat kira-kira 240 kilogram yang dipercayai cuba diseludup keluar melalui laluan sungai di kawasan sempadan.

Susulan itu, anggota operasi bertindak menyita semua bekalan basah berkenaan bersama sebuah kereta Proton Saga yang dipercayai digunakan dalam kegiatan tersebut.

Kesemua barangan rampasan kemudian diserahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Limbang untuk tindakan lanjut mengikut peruntukan undang-undang.

Sementara itu, Panglima 9 Briged Brigedier Jeneral Datuk Jafri Sulaiman memuji kecekapan dan tindakan pantas anggota 9 RS dalam menggagalkan cubaan penyeludupan tersebut.

Beliau berkata, TDM akan terus memperketat kawalan di kawasan sempadan tanpa sebarang kompromi bagi membanteras aktiviti jenayah rentas sempadan serta memastikan keselamatan dan kedaulatan negara sentiasa terpelihara.



**TUMPAS:** Anggota TDM berjaya menumpaskan cubaan menyeludup keluar bekalan bahan basah dalam satu operasi di sempadan, awal pagi kelmarin.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

New SARAWAK TRIBUNE
THE OLDEST ENGLISH DAILY IN SARAWAK

HARI: ISNIN
TARIKH: 20/7/2026
M/SURAT: 17

# Soldiers foil chicken tail smuggling bid

BY ALLAN JAY
*tribunenew2019@gmail.com*

**LIMBANG:** An attempt to smuggle 240kg of fresh chicken tails across the Malaysia-Brunei border was thwarted after soldiers intercepted the shipment during a pre-dawn patrol on Saturday.

The smuggling bid was uncovered at about 4.30 am when troops from the Ninth Battalion of the Border Regiment got suspicious of a Proton Saga, driven by a man, travelling near the border.

The team intercepted the vehicle for inspections and it led to the discovery of 20 boxes containing fresh chicken tails, believed to have been bound for illegal transport across the border via a river route.

Soldiers arrested the driver and seized the fresh food supply as well as the vehicle before handing the case over to the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) for further action.

Ninth Brigade Commander Brig Gen Datuk Jafri Sulaiman hailed the operation as another testament to the vigilance and readiness of border troops in protecting the country's frontiers.

He said the Malaysian Army would continue to intensify border surveillance and enforcement without compromise to stamp out smuggling and other cross-border criminal activities.




**SOLDIERS** foil an attempt to smuggle fresh chicken tails near the Malaysia-Brunei border.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 20 JULAI 2026 | | | |
|---|---|---|---|
| **TARIKH** | **TAJUK** | **PAUTAN** | **MEDIA** |
| 20-Jul | Tiga premis diserbu, 2,669 jersi tiruan disita | https://www.buletintv3.my/nasional/tiga-premis-diserbu-2669-jersi-tiruan-disita/ | TV3 |
| 20-Jul | 2,669 jersi tiruan Piala Dunia bernilai RM135,000 dirampas | https://www.sinarharian.com.my/article/788188/berita/semasa/2669-jersi-tiruan-piala-dunia-bernilai-rm135000-dirampas | SINAR HARIAN |
| 20-Jul | KPDN serbu tiga premis jual jersi tiruan Piala Dunia | https://malaysiagazette.com/2026/07/17/kpdn-serbu-tiga-premis-jual-jersi-tiruan-piala-dunia/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 20-Jul | 3 premis diserbu, 2,669 jersi tiruan disita | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2026/07/1385604/3-premis-diserbu-2669-jersi-tiruan-disita | HARIAN METRO |
| 20-Jul | Tiga premis diserbu, 2,669 jersi tiruan Piala Dunia disita KPDN | https://www.tvsarawak.my/2026/07/17/tiga-premis-diserbu-2669-jersi-tiruan-piala-dunia-disita-kpdn/ | TVS |
| 20-Jul | Tiga premis diserbu KPDN Johor, rampas jersi tiruan Piala Dunia RM135,000 | https://www.utusan.com.my/terkini/2026/07/tiga-premis-diserbu-kpdn-johor-rampas-jersi-tiruan-piala-dunia-rm135000/ | UTUSAN |
| 20-Jul | Dokumen palsu, stor rahsia taktik sindiket jersi tiruan bola sepak Piala Dunia | https://www.sinarharian.com.my/article/788198/berita/semasa/dokumen-palsu-stor-rahsia-taktik-sindiket-jersi-tiruan-bola-sepak-piala-dunia | SINAR HARIAN |
| 20-Jul | Seleweng minyak masak paket, enam ditahan | https://www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2026/07/1589327/seleweng-minyak-masak-paket-6-ditahan | BERITA HARIAN |
| 20-Jul | KPDN bongkar stor seleweng minyak masak subsidi, enam ditahan | https://malaysiatribune.news/kpdn-bongkar-stor-seleweng-minyak-masak-subsidi-enam-ditahan/ | MALAYSIA TRIBUNE |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 20-Jul | Sabah catat kes penyelewengan minyak masak tertinggi | https://www.sinarharian.com.my/article/788147/berita/semasa/sabah-catat-kes-penyelewengan-minyak-masak-tertinggi | SINAR HARIAN |
| 20-Jul | Dua stor simpan minyak masak bersubsidi diserbu | https://www.utusan.com.my/nasional/2026/07/dua-stor-simpan-minyak-masak- | UTUSAN |
| 20-Jul | Dua stor simpan minyak masak bersubsidi diserbu | https://mediaselangor.com/ms/2026/07/384853 | MEDIA SELANGOR |
| 20-Jul | Dua stor simpan minyak masak bersubsidi diserbu | https://mediaselangor.com/ms/2026/07/38492 | MEDIA SELANGOR |
| 20-Jul | KPDN Tawau terima serahan kes disyaki penyelewengan gula dan minyak masak | https://sabahmedia.com/2026/07/17/kpdn-tawau-terima-serahan-kes-disyaki-penyelewengan-gula-dan-minyak-masak/ | SABAH MEDIA |
| 20-Jul | Pemilik syarikat penghantaran didenda miliki diesel bersubsidi tanpa kebenaran | https://www.buletintv3.my/mahkamah/pemilik-syarikat-penghantaran-didenda-miliki-diesel-bersubsidi-tanpa-kebenaran/ | TV3 |
| 20-Jul | Pemilik syarikat penghantaran didenda miliki diesel bersubsidi tanpa kebenaran | https://mediaselangor.com/ms/2026/07/384929 | MEDIA SELANGOR |
| 20-Jul | Pendaftaran SKDS di Sabah, Sarawak dan Labuan meningkat, lebih 28,000 syarikat | https://sabahmedia.com/2026/07/19/pendaftaran-skds-di-sabah-sarawak-labuan-meningkat-lebih-28000-syarikat/ | SABAH MEDIA |
| 20-Jul | Lebih 68,000 kenderaan di Sabah, Sarawak dan Labuan berdaftar bawah SKDS | https://www.kosmo.com.my/2026/07/19/lebih-68000-kenderaan-di-sabah-sarawak-labuan-berdaftar- | KOSMO |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 20-Jul | 172,955 syarikat, 464,797 kenderaan berdaftar SKDS di seluruh negara | https://www.utusanborneo.com.my/2026/07/19/172955-syarikat-464797-kenderaan-berdaftar-skds-di-seluruh- | UTUSAN BORNEO |
| 20-Jul | Lebih 28,000 syarikat di Sabah, Sarawak dan Labuan daftar SKDS | https://wartaoriental.com/2026/07/19/lebih-28000-syarikat-di-sabah-sarawak-dan-labuan-daftar- | WARTA ORIENTAL |
| 20-Jul | 68,669 kenderaan di Sabah, Sarawak dan Labuan berdaftar SKDS | https://themalaysiapress.com/2026/07/19/68669-kenderaan-di-sabah-sarawak-dan-labuan- | THE MALAYSIA PRESS |
| 20-Jul | Over 28,000 companies have registered for diesel subsidy in East Malaysia | https://www.businesstoday.com.my/2026/07/19/over-28000-companies-have-registered-for-diesel-subsidy-in-east- | BUSINESS TODAY |
| 20-Jul | 172,955 companies, 464,797 vehicles registered under SKDS nationwide, says Armizan | https://www.thestar.com.my/news/nation/2026/07/19/172955-companies-464797-vehicles-registered-under-skds-nationwide-says-armizan | THE STAR |
| 20-Jul | KPDN akan tambah kekerapan Jualan Rahmah MADANI bantu rakyat tangani kos sara hidup | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-akan-tambah-kekerapan-jualan-rahmah-madani-bantu-rakyat-tangani-kos-sara-hidup/ | RTM |
| 20-Jul | Jualan Rahmah MADANI diadakan lebih kerap untuk ringankan beban rakyat – Armizan | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jualan-rahmah-madani-diadakan-lebih-kerap-untuk-ringankan-beban-rakyat-armizan | ASTRO AWANI |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 20-Jul | Ministry to increase frequency of Rahmah sales programme | https://www.bernama.com/en/news.php?id=2582912 | BERNAMA |
| 20-Jul | Ministry studying long-term solution to high transport costs in areas like Limbang, Labuan | https://dayakdaily.com/ministry-studying-long-term-solution-to-high-transport-costs-in-areas-like-limbang-labuan/ | DAYAK DAILY |
| 20-Jul | KPDN Kelantan rampas 20.4 tan minyak masak bersubsidi cuba diseludup ke negara jiran | https://berita.rtm.gov.my/kes/senarai-berita-kes/senarai-artikel/kpdn-kelantan-rampas-20-4-tan-minyak-masak-bersubsidi-cuba-diseludup-ke-negara-jiran/ | RTM |
| 20-Jul | KPDN Kelantan gagalkan cubaan seludup 17.6 tan minyak masak | https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-kelantan-gagalkan-cubaan-seludup-17-6-tan-minyak-masak/ | TV3 |
| 20-Jul | Cubaan seludup 28 tan minyak masak bersubsidi ke Thailand dipatahkan KPDN | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2026/07/1590206/cubaan-seludup-28-tan-minyak-masak-bersubsidi-ke-thailand-dipatahkan- | BERITA HARIAN |
| 20-Jul | 20.4 tan minyak masak gagal diseludup ke Thailand | https://www.sinarharian.com.my/article/788442/berita/semasa/204-tan-minyak-masak-gagal-diseludup-ke- | SINAR HARIAN |
| 20-Jul | 20.4 tan minyak masak peket gagal seludup ke Siam | https://www.kosmo.com.my/2026/07/19/20-4-tan-minyak-masak-peket-gagal-seludup | KOSMO |
| 20-Jul | Cubaan seludup 28 tan minyak masak bersubsidi ke Thailand gagal | https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2026/07/1386374/cubaan-seludup-28-tan-minyak-masak-bersubsidi-ke-thailand-gagal | HARIAN METRO |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 20-Jul | KPDN Kelantan patahkan cubaan seludup lebih 20 tan minyak masak bersubsidi ke Thailand | https://www.utusanborneo.com.my/2026/07/19/kpdn-kelantan-patahkan-cubaan-seludup-lebih-20-tan-minyak-masak-bersubsidi-ke-thailand | UTUSAN BORNEO |
| 20-Jul | KPDN Kelantan patahkan Cubaan Seludup lebih 20.4 tan minyak masak bersubsidi cuba diseludup ke Thailand | https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2582879 | BERNAMA |
| 20-Jul | 内贸部：沙砂纳逾6.8万辆车完成柴油补贴机制注册 | https://guangming.com.my/%e5%86%85%e8%b4%b8%e9%83%a8%ef%bc%9a%e6%b2%99%e7%a0%82%e7%ba%b3%e9%80%be6-8%e4%b8%87%e8%be%86%e8%bd%a6-%e5%ae%8c%e6%88%90%e6%9f%b4%e6%b2%b9%e8%a1%a5%e8%b4%b4%e6%9c%ba%e5%88%b6%e6%b3%a8%e5%86%8c | GUANG MING DAILY |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT